

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

ATP300 - UNDANG-UNDANG SYARIKAT DAN KONTRAK

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja. Sekurang-kurangnya dua soalan dari Bahagian A dan dua soalan dari Bahagian B. Satu lagi soalan boleh dipilih dari mana-mana bahagian. ANDA DIBENARKAN MEMBAWA MASUK DAN MERUJUK KEPADA AKTA SYARIKAT 1965.

Bahagian A

1. Apakah yang diputuskan dalam kes Carlill v Carbolic Smokeball Co (1893)? Sebutkan jika terdapat niat untuk mewujudkan hubungan undang-undang (intention to create legal relations) bila suami yang berkerja di United Kingdom telah balik bersama-sama isterinya ke Kuala Lumpur dan kerana sebab-sebab kesihatan dipersetujui isteri tidak akan kembali bersamanya ke United Kingdom. Suami telah berjanji untuk membayar RM300.00 sebulan sebagai saraan. Setelah itu mereka telah bercerai dan isteri telah menyaman untuk menuntut RM300.00 yang telah dihenti bayarannya.

[20 markah]

2. Sebutkan secara ringkas keadaan-keadaan di mana tawaran boleh dibatalkan. Apakah keputusan mahkamah dalam kes Adams v Lindsell (1818).

[20 markah]

3. Sebutkan 3 jenis salahnyata (misrepresentation). Apakah remedi-remedi yang ada kepada pihak yang telah bertindak atas salahnyata oleh pihak yang satu lagi kepada kontrak.

[20 markah]

...2-

ATP300

4. Sebutkan keadaan-keadaan di mana satu pihak kepada kontrak boleh dilepaskan (discharged) daripada obligasinya.

[20 markah]

5. Namakan dan jelaskan secara ringkas lima remedi memungkiri perjanjian (breach of contract).

[20 markah]

Bahagian B

6. Dengan merujuk kepada kes-kes Soloman v A. Soloman & Co. dan Lee v Lees' Air Farming Ltd., terangkan prinsip Separate Legal Personality . Secara ringkas, sebutkan apakah maksud 'lifting the veil of incorporation'.

[20 markah]

7. Nyatakan jenis-jenis syarikat yang terdapat di Malaysia. Juga nyatakan seksyen-seksyen dalam Akta Syarikat 1965 yang menyentuh tentang jenis-jenis syarikat.

[20 markah]

8. Apakah itu memorandum persatuan? Bagaimanakah memorandum persatuan boleh diubah? Bincang secara ringkas keputusan mahkamah dalam kes Cotman v Brougham (1918).

[20 markah]

9. Apakah itu Gadaian Tetap dan Gadaian Terapong? Sebutkan peraturan-peraturan mengenai prioriti gadaian (Rules on priority of charges).

[20 markah]

...3/-

10. Terangkan dengan ringkas mana-mana EMPAT daripada perkara berikut:

- (a) Penganjur (promoter).
- (b) Objek-objek syarikat.
- (c) Syer-syer keutamaan.
- (d) Perubahan Hak-hak Kelas (Variation of Class Rights).
- (e) Tawaran kepada awam.
- (f) Langganan minimum.
- (g) Sijil Pindahmilik: Prosedur.
- (h) Dividen.

[20 markah]

---ooo000ooo---